

UMNO sokong penuh Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR,
ASLINDA NASIR dan OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memberi jaminan bahawa barisan pucuk pimpinan tertinggi parti akan terus mendukung Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri.

Dalam ucapan di hadapan 2,680 perwakilan pada Perhimpunan Agung UMNO, beliau menzahirkan dukungan tersebut kerana kerajaan dan parti perlu bergerak seiring.

“Datuk Seri Ismail jagalah kerajaan elok-elok, kita beri dukungan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Insya-Allah, saya dan Tok Mat (Timbalan Presiden Datuk Seri Mohamad Hasan) dan rakan-rakan lain, kita akan jaga parti.

“Kami akan perkuatkan parti, Tok Mat (Ismail Sabri) perkuatkan kerajaan...kerajaan dan parti harus jalan seiring,” katanya dalam ucapan perasmian perhimpunan di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Ismail Sabri yang membuat keputusan untuk meluluskan kebenaran pengeluaran khas RM10,000 daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Bagaimanapun, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) menyifatkan masih terdapat beberapa isu yang perlu ditangani oleh Ismail Sabri.

“Biarpun pemimpin utama kerajaan dari UMNO, namun hakikatnya UMNO bukan parti



AHMAD Zahid Hamidi ketika menyampaikan ucapannya di hadapan 2,680 perwakilan dalam Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, semalam.

dominan. Dasar-dasar penting biarpun tidak disangah secara terbuka, namun di belakang, suara-suara sumbang sering kedengaran,” katanya.

“Malah terdapat arahan-arahan dan minit-minit tertentu untuk kepentingan rakyat tidak pun diendahkan. Perdana Menteri, terdapat skru-skru yang wajib diperketatkan,” katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid mendedahkan ada pihak yang cuba menggunakan wang selain mempunyai senarai ‘cai’ menjelang pemilihan UMNO akan datang.

Katanya, sudah ada pemimpin UMNO yang mempunyai

‘cai’ dan regu dalam menghadapi pemilihan UMNO akan datang.

“Kita sudah tetapkan mengikut persetujuan Pendaftar Pertubuhan bahawa pemilihan parti diadakan pada akhir tahun ini atau secara tepatnya sebelum 29 Disember.

“Ketika itu, siapa pun boleh bertanding, termasuklah jawatan Presiden, kalau Tok Mat berani, bertanding Presiden. Selain itu timbalan presiden, tiga jawatan naib presiden, kita tak takutlah.

“Jangan gunakan duit. Bukan saya tidak tahu, sekarang pun sudah ada berpasang-pasangan,

ada cai, ada papan. Ini semua saya tahu,” katanya.

Menurut Ahmad Zahid, langkah mengadakan pemilihan parti selepas pilihan raya umum adalah keputusan parti ekoran sebanyak 186 bahagian daripada 190 bahagian yang bermesyuarat dan bersetuju agar pemilihan parti diadakan selepas pilihan raya umum.

“Ini bukan keputusan saya. Ini keputusan saudara saudari sewaktu Mesyuarat Perwakilan di Bahagian masing-masing. Sudah menjadi kelaziman sebelum ini bahawa pemilihan parti diadakan selepas PRU. Bertahun-tahun ia diamalkan,” katanya.